



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN PERAPATAN PEGAWAI  
AGENSI ANTI DADAH KEBANGSAAN, IBU BAPA SERTA RAKAN  
SEBAYA DENGAN REGULASI KENDIRI DALAM PENDIDIKAN  
KEPULIHAN ORANG KENA PENGAWASAN***

**WAN MAISARAH BTE WAN ABU MANSOR**

**FPP 2019 12**



**PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN PERAPATAN PEGAWAI AGENSI  
ANTI DADAH KEBANGSAAN, IBU BAPA SERTA RAKAN SEBAYA  
DENGAN REGULASI KENDIRI DALAM PENDIDIKAN KEPULIHAN  
ORANG KENA PENGAWASAN**

Oleh

**WAN MAISARAH BTE WAN ABU MANSOR**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains**

**Oktobre 2018**

## **PERAKUAN**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**PENGARUH KECERDASAN EMOSI DAN PERAPATAN PEGAWAI AGENSI  
ANTI DADAH KEBANGSAAN, IBU BAPA SERTA RAKAN SEBAYA DENGAN  
REGULASI KENDIRI DALAM PENDIDIKAN KEPULIHAN ORANG KENA  
PENGAWASAN**

Oleh

**WAN MAISARAH BTE WAN ABU MANSOR**

**Oktober 2018**

**Pengerusi : Norlizah binti Che Hassan, PhD**  
**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Masalah penagihan dadah merupakan salah satu isu utama yang dihadapi bukan sahaja di negara kita, malah isu tersebut merupakan isu global pada masa kini. Kadar penagihan dadah yang semakin meningkat dari tahun ke tahun menyebabkan pelbagai pendekatan pendidikan pencegahan, penguatkuasaan serta pendidikan kepulihan digunakan untuk mengatasi masalah ini. Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh kecerdasan emosi dan perapatan pegawai Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), ibu bapa dan rakan sebaya dengan regulasi kendiri dalam pendidikan kepulihan Orang Kena Pengawasan. Penyelidikan ini menggunakan reka bentuk kajian deskriptif dan korelasi. Seramai 300 orang OKPPK berusia 19 hingga 36 tahun dipilih menggunakan persampelan rawak berstrata mewakili setiap daerah di negeri Pahang sebagai sampel. Instrumen yang digunakan terdiri daripada soal selidik demografi, soal selidik kecerdasan emosi, soal selidik perapatan guru, ibu bapa dan rakan sebaya serta soal selidik regulasi kendiri.

Data deskriptif di analisis menggunakan perisian SPSS 22.0. Hasil penyelidikan menunjukkan tahap kecerdasan emosi ( $M = 3.30$ ,  $SP = 0.412$ ) OKPPK adalah sederhana rendah. Dapatkan kajian juga menunjukkan OKPPK mempunyai perapatan yang lebih tinggi bersama pegawai AADK ( $M = 3.75$ ,  $MSP = 0.36$ ) berbanding perapatan dengan ibu bapa ( $M = 3.50$ ,  $SP = 0.29$ ) dan rakan sebaya ( $M = 3.46$ ,  $SP = 0.52$ ). Selain itu, kajian mendapati, regulasi kendiri ( $M = 3.48$ ,  $SP = 0.338$ ) bagi OKPPK di negeri Pahang berada pada tahap sederhana. Ujian Korelasi Pearson menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan regulasi kendiri. Namun begitu, terdapat hubungan signifikan yang positif antara perapatan pegawai AADK dengan regulasi kendiri ( $N=295$ ,  $r=0.387^{**}$ ,  $p= 0.01$ ). Di samping itu, terdapat hubungan signifikan yang positif antara perapatan ibu bapa dengan regulasi kendiri ( $N=295$ ,  $r=0.390^{**}$ ,  $p= 0.01$ ). Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan signifikan yang positif antara perapatan rakan sebaya dengan regulasi kendiri ( $N=295$ ,  $r=0.311^{**}$ ,  $p=0.01$ ).

Manakala, hasil analisis regresi pelbagai menunjukkan model regresi yang terdiri daripada perapatan pegawai AADK, perapatan ibu bapa dan perapatan rakan sebaya boleh menerangkan secara signifikan sebanyak 21.6 % daripada varians regulasi kendiri OKPPK ( $F_{3,294} = 26.675$ ,  $p = .000 < .05$ ). Perapatan pegawai AADK ( $\beta = .190$ ,  $t = 3.199$ ,  $p < .05$ ), perapatan ibu bapa ( $\beta = .276$ ,  $t = 3.792$ ,  $p < .05$ ) dan perapatan rakan sebaya ( $\beta = .095$ ,  $t = 2.536$ ,  $p < .05$ ) merupakan peramal signifikan kepada regulasi kendiri OKPPK. Persamaan regresi bagi analisis ini adalah  $\bar{Y} = .190X_1 + .276X_2 + .095X_3 + 1.476$ .



Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of  
the requirement for the degree of Master of Science

**THE INFLUENCE OF EMOTIONAL INTELLIGENCE AND THE  
ATTACHMENT OF NATIONAL ANTI DRUG AGENCY'S OFFICER, PARENT  
AND PEER WITH SELF REGULATION OF PEOPLE UNDER SUPERVISION  
IN THEIR TREATMENT EDUCATION**

By

**WAN MAISARAH BTE WAN ABU MANSOR**

October 2018

**Chairman : Nor Aniza Ahmad, PhD**  
**Faculty : Educational Studies**

Addiction is one of the main issues not only in our country Malaysia, but this issue is a major problems globally. Statistic of drug addiction shows that the numbers is increasing by year, so that to solve this problem government take various approach in prevention, enforcements well as rehabilitation and treatment process. Thus, this study aims to investigate the relationship between emotional intelligence and NADA Officer, parent and peer attachment with self-regulation of people under supervision in their treatment education. This research has been conducted by using descriptive correlation. Strata random sampling has been used in this study to determine the total of numbers represent from all district in Pahang state as a respondents. This research had involved 300 respondents aged between 19 to 36 years old. The instruments used are demographic questionnaire, emotional intelligence questionnaire, teacher, parent and peer attachment questionnaire and self-regulation questionnaire (SRQ).

The descriptive data were analyzed using SPSS 22. The result of this research shows that the level of emotional intelligence ( $M=3.30$ ,  $SP=0.412$ ) among people under supervision in their treatment education is moderate. The study also found people under supervision in their treatment and rehabilitation process have more attachment to their NADA Officer ( $M=3.75$ ,  $SP=0.36$ ) compare to their parent ( $M=3.50$ ,  $SP=0.29$ ) and peer ( $M=3.46$ ,  $SP=0.52$ ). In addition, the finding found that the level of self-regulation ( $M= 3.48$ ,  $SP= 0.338$ ) among people under supervision in their treatment education is also moderate. Based on Pearson Correlation Analysis, there is no significant relationship between emotional intelligence and self-regulation. However, the study found a significant positive relationship between NADA Officer attachment and self-regulation ( $N = 295$ ,  $r = 0.387^{**}$ ,  $p= 0.01$ ). Next, there is significant positive relationship between parent attachment and self-regulation ( $N = 295$ ,  $r = 0.390^{**}$ ,  $p= 0.01$ ).

The finding also found that there is significant positive relationship between peer attachment and self-regulation ( $N=295$ ,  $r=0.311^{**}$ ,  $p= 0.01$ ). Multiple Regression Analysis shows the regression model which is NADA Officer attachment, parent attachment and peer attachment can significant explain 21.6% to the variances of self-regulation among people under supervision in their treatment education ( $F_{3,294} = 26.675$ ,  $p=.000 < .05$ ). NADA Officer attachment ( $\beta = .190$ ,  $t = 3.199$ ,  $p<.05$ ), parent attachment ( $\beta = .276$ ,  $t = 3.792$ ,  $p<.05$ ) dan peer attachment ( $\beta = .095$ ,  $t = 2.536$ ,  $p<.05$ ) was a significant predictor to self-regulation people under supervision in their treatment education. The regression linear by this analysis is  $\bar{Y} = .190X_1 + .276x_2 + .095x_3 + 1.476$ .

## PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT, yang Maha Berkuasa atas segalanya di muka bumi ini. Tiada daya dan upaya kecuali dengan izin Allah SWT yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Dengan berkat rahmat dan kuasa Allah SWT, saya mampu menyelesaikan tesis ini.

Selawat dan Salam kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW dan seluruh ahli keluarga Baginda.

Setinggi-tinggi penghargaan khas ditujukan buat Dr. Nor Aniza Binti Ahmad, dan Prof. Madya Dr. Siti Aishah Binti Hassan, penyelia yang banyak memberi ruang dan peluang kepada saya meneroka dunia penyelidikan, memberi nasihat serta pandangan tanpa mengenal erti lelah. Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dikurniakan penyelia yang sangat membantu dalam menjalankan penyelidikan ini.

Penghargaan ini juga ditujukan buat kakitangan AADK Negeri Pahang yang banyak membantu sepanjang kajian rintis dan kajian sebenar dijalankan. Buat insan-insan yang sangat membantu di saat diri ini betul-betul memerlukan iaitu Harisa Hawafi, Kak Rosmaria, Nabihah Zaini, Kak Dzilal serta sahabat seperjuangan terima kasih tidak terhingga di atas bantuan kalian.

Teristimewa penghargaan ini ditujukan khas buat suamiku, Encik Mohd Zukhairi bin Mohd Anuar yang turut sama berkorban mengasuh dan mendidik anak-anak sepanjang ketiadaanku kerana tuntutan ilmu di UPM. Tanpa dorongan dan pengorbanan abang yang senantiasa memberi sokongan, tidak mungkin penyelidikan ini mampu diselesaikan. Tidak lupa juga ibu tersayang Puan Jubentan Binti Hasnawi dan ayahanda Encik Wan Abu Mansor bin Wan Ali yang sentiasa berdoa tanpa jemu demi kejayaan anak-anaknya. Buat hero-hero mama yang dikasih, Muhammad Izz Zikri Riffadh dan Muhammad Izz Zhariif Raziq, ketawa dan tangis, serta keletah kamu berdua sememangnya adalah semangat untuk diri mama untuk terus berjuang menuntut ilmu.

Tidak lupa juga, terima kasih tidak terhingga kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) atas tajaan Hadiah Latihan Persekutuan (HLP) berupa cuti belajar bergaji penuh dan biasiswa yang telah diberikan kepadaku. Sememangnya, tawaran ini adalah peluang terbaik yang menyuntik kesungguhan dalam diriku untuk menuntut ilmu

Akhir sekali penghargaan ini ditujukan buat insan-insan yang telah menyumbang secara langsung dan tak langsung dalam kehidupan ku, sebelum dan semasa menyiapkan tesis ini. Senarainya terlalu panjang. Ya Allah, rahmatilah mereka semua. Kurniakan lah kami kebahagiaan di dunia dan akhirat. Amin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putera Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan Ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Nor Aniza Ahmad, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Siti Aishah Hassan, PhD**

Profesor Madya

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan Pelajar Siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik dan hak cipta tesis ini adalah hak mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : Wan Maisarah Bte Wan Abu Mansor (GS46688)

## **Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi

Jawatankuasa

Penyeliaan : Nor Aniza Ahmad

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Siti Aishah Hassan

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	6
1.6 Hipotesis Kajian	6
1.7 Kepentingan Kajian	7
1.8 Skop dan Batasan Kajian	8
1.9 Definisi Konsep dan Operasional	8
1.9.1 Kecerdasan Emosi	8
1.9.2 Perapatan	8
1.9.3 Regulasi Kendiri	9
1.9.4 Orang Kena Pengawasan (OKP)	10
1.10 Kesimpulan	10
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Pengenalan	11
2.2 Regulasi Kendiri dalam Penagihan Dadah	11
2.3 Kawalan Diri	12
2.4 Pendekatan Teori	13
2.4.1 Teori Kognitif Sosial Regulasi Kendiri	13
2.4.2 Model Kitaran Zimmerman	14
2.4.3 Model Kanfer (1970): Model Proses Regulasi Kendiri	14
2.4.4 Teori Perkembangan Sosial Erikson	15
2.4.5 Teori Hierarki Keperluan Maslow	17
2.4.6 Teori Abiliti Kecerdasan Emosi dengan Regulasi Kendiri	18
2.4.7 Teori Perapatan	19
2.5 Kerangka Teoritikal	21
2.6 Kajian Literatur	22
2.6.1 Kecerdasan Emosi	22
2.6.2 Perapatan	23
2.6.3 Regulasi Kendiri	25
2.6.4 Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Regulasi Kendiri	26
2.6.5 Hubungan Perapatan dengan Regulasi Kendiri	27


2.7	Kerangka Konseptual Kajian	29
2.8	Kesimpulan	30
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Pengenalan	31
3.2	Reka Bentuk Kajian	31
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	32
3.3.1	Populasi Kajian	32
3.3.2	Penentuan Saiz Sampel	33
3.3.3	Teknik Persampelan	34
3.4	Instrumen Kajian	36
3.5	Kesahan Soal Selidik Kajian	38
3.6	Kajian Rintis	39
3.7	Kebolehpercayaan Soal Selidik Kajian	39
3.8	Kaedah pengumpulan Data	40
3.9	Analisis Penerokaan Data	40
3.9.1	Ujian Normaliti	41
3.9.2	Ujian Lineariti	42
3.9.3	Ujian Multikolinearan	42
3.10	Penganalisaan Data	43
3.11	Kesimpulan	44
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	
4.1	Pengenalan	45
4.2	Latar Belakang Responden	45
4.3	Keputusan Kajian	48
4.3.1	Tahap Kecerdasan Emosi OKPPK di Negeri Pahang	48
4.3.2	Pola Perapatan Pegawai AADK, Ibu bapa dan Rakan Sebaya OKPPK di Negeri Pahang	52
4.3.3	Tahap Regulasi Kendiri OKPPK di Negeri Pahang	53
4.3.4	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Perapatan Pegawai AADK, Perapatan Ibu bapa serta Perapatan Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri OKPPK di Negeri Pahang	62
4.3.5	Faktor Utama yang Mempengaruhi Tahap Regulasi Kendiri OKPPK di Negeri Pahang	63
4.4	Kesimpulan	64
<b>5</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1	Pengenalan	65
5.2	Tahap Kecerdasan Emosi OKPPK	65
5.3	Pola Perapatan Paegawai AADK, Ibu bapa dan Rakan Sebaya	67
5.4	Tahap Regulasi Kendiri OKPPK di Negeri Pahang	67
5.5	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Perapatan Pegawai AADK, Perapatan Ibu bapa serta Perapatan Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri OKPPK di Negeri Pahang	68
5.6	Hubungan Antara Kecerdasan Emosi dan Perapatan Pegawai AADK, Perapatan Ibu bapa serta Perapatan Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri OKPPK di Negeri Pahang	68

5.7	Hubungan Antara Perapatan Ibu bapa dengan Regulasi Kendiri	69
5.8	Hubungan antara Perapatan Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri	69
5.9	Peramal Kepada Regulasi Kendiri	70
5.10	Rumusan	70
5.11	Implikasi	71
5.11.1	Implikasi Teoritikal	71
5.11.2	Implikasi Praktikal	72
5.12	Cadangan	74
5.12.1	Cadangan Terhadap Ibu bapa	74
5.12.2	Cadangan Terhadap Pegawai AADK	74
5.12.3	Cadangan Terhadap Masyarakat	75
5.13	Cadangan Kajian Lanjutan	75
5.14	Kesimpulan	76
	<b>RUJUKAN</b>	77
	<b>LAMPIRAN</b>	85
	<b>BIODATA PELAJAR</b>	118
	<b>SENARAI PENERBITAN</b>	119

## **SENARAI JADUAL**

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1.1 Jumlah Keseluruhan OKP di Malaysia Sehingga 01 Disember 2016 Mengikut Sistem MYAADK	4
1.2 Jadual Perbandingan Jumlah OKP di Malaysia mulai Disember 2014 Sehingga Disember 2016 Melalui Sistem MyAADK	5
3.1 Jadual Penentuan Saiz Sampel Minimum untuk Populasi Bagi Data <i>Continous</i> dan <i>Categorical</i>	34
3.2 Dimensi Perapatan Guru, Ibu Bapa dan Rakan Sebaya	37
3.3 Dimensi SRQ	38
3.4 Nilai Analisis <i>Alpha Cronbach</i>	40
3.5 Kepencongan dan Kurtosis bagi Pembolehubah Kajian	41
3.6 Statistik multikolinearitI	43
3.7 Kaedah Statistik Penganalisisan Data	43
3.8 Kaedah Statistik Penganalisisan Hipotesis	44
4.1 Maklumat Demografi Responden	45
4.2 Skala Skor bagi Konstruk Kecerdasan Emosi	48
4.3 Taburan Responden Mengikut Tahap Kecerdasan Emosi	48
4.4 Jadual Min Konstruk Kecerdasan Emosi	48
4.5 Peratus, Min dan Sisihan Piawai Item Kecerdasan Emosi	49
4.6 Jadual Min Konstruk Perapatan Pegawai AADK, Ibu Bapa dan Rakan Sebaya	53
4.7 Skala Skor bagi Konstruk Regulasi Kendiri	53
4.8 Taburan Responden Mengikut Tahap Regulasi Kendiri	54
4.9 Jadual Min Konstruk Regulasi Kendiri	54
4.10 Peratus, Min dan Sisihan Piawai Item Regulasi Kendiri	55

4.11	Hubungan Kecerdasan Emosi dengan Regulasi Kendiri	62
4.12	Hubungan Perapatan Pegawai AADK dengan Regulasi Kendiri	62
4.13	Hubungan Perapatan Ibu Bapa dengan Regulasi Kendiri	63
4.14	Hubungan Perapatan Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri	63



## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>	<b>Halaman</b>
2.1 Model Timbal Balik Triadik oleh Bandura di Dalam Teori Kognitif Sosial	13
2.2 Proses Regulasi Kendiri Berdasarkan Analisis Triadik	14
2.3 Kerangka Teoritikal Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Perapatan Pegawai AADK, Ibu Bapa serta Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri dalam Pendidikan Kepulihan Orang Kena Pengawasan	21
2.4 Kerangka Konseptual Pengaruh Kecerdasan Emosi dan Perapatan Pegawai AADK, Ibu Bapa serta Rakan Sebaya dengan Regulasi Kendiri dalam Pendidikan Kepulihan Orang Kena Pengawasan	29
3.1 Teknik Persampelan Rawak Berstrata	35

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Isu penagihan dadah merupakan isu global di serata dunia yang menjadi perhatian pemimpin negara. Negara Malaysia adalah salah satu negara yang tidak terkecuali dalam menghadapi isu penagihan dadah. Negara Malaysia tidak terkecuali daripada berdepan dengan masalah penyalahgunaan dadah. Semakin hari, jumlah individu yang terlibat dengan penyalahgunaan dadah tidak menunjukkan kemerosoton, malah semakin bertambah seiring dengan pertambahan pelbagai jenis dadah sintetik pada masa kini. Oleh itu pelbagai program pendidikan rawatan dan pemulihan telah diadakan samada di dalam maupun luar institusi sebagai salah satu usaha untuk mengatasi masalah ini (Rokiah, 2010).

Masalah dadah boleh dirumuskan sebagai salah satu aktiviti yang banyak memberi kesan negatif bukan sahaja kepada diri individu itu sendiri, malah keluarga serta insan-insan lain disekelilingnya. Punca penglibatan seseorang individu juga banyak dikaitkan dengan tahap kecerdasan emosi. Kajian yang telah dilaksanakan oleh Phaik Gaik (2016) memberi penekanan bahawa kecerdasan emosi adalah salah satu elemen yang penting dalam mencegah tingkah laku negatif seseorang. Seseorang individu yang merasakan bahawa kecerdasan emosinya berada ditahap tinggi sepatutnya mampu mengawal dan menggunakan emosinya dengan tepat kerana kebolehan ini juga akan berada di tahap yang tinggi (Rozita, 2014). Banyak kajian lepas yang memberikan hasil dapatan bahawa seseorang yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah individu yang mempunyai tahap kesihatan mental dan fizikal yang baik manakala tahap kecerdasan emosi yang rendah pula sering digambarkan mempunyai risiko yang besar untuk terjebak ke dalam masalah penagihan bahan terlarang (Monaci, Scacchi, Posa, & Trentin, 2013).

Unterrainer, Hiebler-Ragger, Rogen, & Kapfhammer (2018) menegaskan bahawa tingkah laku penagihan dadah adalah gangguan dan masalah dalam regulasi diri. Individu yang bergantung terhadap dadah tidak berupaya untuk meregulasi emosinya, gagal dalam pengurusan diri dan harga diri serta perhubungan. Ia telah menjadi satu ancaman bukan sahaja kepada individu dan keluarga, malah turut menjadi satu masalah besar kepada negara (Shamsudin, 2013), selain dari menjejaskan keharmonian keluarga, mencemarkan nilai tradisi masyarakat dan nilai agama serta menggadaikan maruah diri dan tidak menghormati ibubapa (Mahyuddin & Azizah, 2011). Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) melalui tiga strateginya iaitu Pendidikan Pencegahan dan Kesedaran Awam, Rawatan dan Pemulihan dan Penguatkuasaan sentiasa berusaha untuk membanteras masalah dadah pada masa kini serta membendung mereka yang belum terjebak dengan masalah dadah khususnya para pelajar sekolah. AADK juga turut menggalakkan langkah-langkah pendidikan pencegahan ini dilaksanakan oleh ibu bapa, majikan, pihak sekolah serta golongan masyarakat. Namun begitu, tidak dapat dinafikan kewujudan dadah-dadah baru jenis ATS seperti *Methamphetamine* dalam

pelbagai rupa, bentuk dan warna menyukarkan usaha pendidikan pencegahan dadah ini dilaksanakan terutama oleh ibu bapa sendiri di rumah. Masalah dadah bukan sahaja berlaku di Malaysia, malah fenomena yang sama berlaku di negara-negara luar seperti Thailand, Brazil dan sebagainya namun jenis dadah yang kerap digunakan mungkin berbeza mengikut negara.

Perapatan merupakan elemen penting yang perlu dalam diri seseorang untuk menghasilkan kualiti kepercayaan dan komunikasi dua hala. Tahap perapatan ini juga akan menentukan sejauh mana perenggangan seseorang individu dengan satu pihak yang lain. Anak yang merasakan bahawa perapatannya dengan ibu bapa berada ditahap yang tidak selamat cenderung untuk memberikan lebih tindak balas yang negatif pada hubungan mereka yang seterusnya (Nakisa, 2014). Perapatan antara “guru” dan pelajarnya kebiasaannya bermula daripada sesi interaksi dan berkesan. Peranan “guru” sebagai bukan sahaja terhad sebagai pendidik, malah golongan “guru” ini sentiasa berusaha mengenalpasti kesulitan, kesukaran serta masalah yang dihadapi oleh pelajar mereka, hal ini akan mewujudkan perapatan yang positif antara kedua belah pihak (Syahruan Azan, 2015). Perapatan selamat mampu menghindarkan seseorang individu daripada stress serta meningkatkan sistem sokongan dalam kehidupannya. Dengan kata lain, individu yang merasakan dirinya selamat akibat hubungan perapatan yang wujud berupaya untuk menyesuaikan dirinya secara efektif dengan emosi yang negatif, mengelakkan dirinya daripada individu lain yang akan menyebabkan emosinya menjadi negatif serta mampu meregulasi emosinya mengikut tingkah laku yang bersesuaian dengan situasi (Cooper, Shaver, & Collins, 1998).

Dalam bidang pembangunan psikologi, terdapat kajian-kajian menarik yang mengkaji pembangunan proses regulasi kendiri di mana proses ini adalah sangat relevan dan berkait rapat dengan sikap serta emosi (Dahl & Conway, 2009). Terdapat pelbagai faktor seseorang itu mula menggunakan dadah serta masih tidak berusaha untuk berhenti daripada menggunakan dadah. Salah satu daripada faktor tersebut adalah regulasi kendiri. Tahap regulasi kendiri bagi seseorang yang mula terjebak dengan masalah penagihan dadah serta mereka yang masih aktif menagih dadah adalah berada di tahap yang rendah berbanding individu-individu normal yang lain (Bakhshani & Hosseinbor, 2013). Regulasi kendiri adalah sangat diperlukan apabila seseorang ingin menghentikan dirinya daripada penagihan bahan terlarang. Tahap regulasi kendiri dalam diri seseorang individu itu akan mempengaruhi perlakuan serta tingkah laku mereka samada ingin meneruskan aktiviti penagihan dadah atau menghentikannya. Situasi seperti ini juga amat berkait rapat dengan kawalan diri seseorang (Roy F. Baumeister & Vonaesch, 2015). Hal ini menunjukkan bahawa dalam pendidikan kepulihan penagihan dadah, aktiviti dan strategi yang digunakan harus diteliti dan dinilai supaya ianya mampu untuk meningkatkan tahap regulasi kendiri mereka.

## 1.2 Latar belakang kajian

Melalui Agensi Anti Dadah Kebangsaan (2004) Dasar Dadah Negara ialah untuk mewujudkan Negara Malaysia yang bebas dari ancaman gejala dadah menjelang tahun 2015 bagi menjamin kesejahteraan hidup masyarakat dan mengekalkan kestabilan dan ketahanan nasional. Walau bagaimanapun, sehingga kini iaitu tahun 2016, bilangan penagih dadah terus meningkat dan pelbagai usaha giat dijalankan untuk membendung

masalah ini. AADK melalui pendidikan rawatan dan pemulihan kepada Orang Kena Pengawasan (OKPPK) yang diselia mengikut daerah sentiasa melaksanakan program psikososial untuk meningkatkan kecerdasan emosi dan regulasi kendiri mereka bagi mengelakkan mereka daripada relaps (penagihan semula). Menurut Kun & Demetrovics (2010) kecerdasan emosi memainkan peranan yang penting dalam penglibatan seseorang individu kepada sebarang penagihan bahan terlarang. Kecerdasan emosi perlu dipupuk kerana ianya penting dalam membantu individu membuat keputusan sosial dan pilihan hidup yang baik. Oleh itu, adalah penting seorang pegawai AADK untuk lebih mendidik klien mereka tentang emosi supaya mereka lebih mudah dalam pengurusan sehari-hari tanpa sebarang masalah yang boleh mengganggu kehidupan mereka (Mayer, Perkins, Caruso, & Salovey, 2001). Mengikut Khantzian (2013) penagihan adalah berpunca daripada gangguan regulasi kendiri. Regulasi kendiri adalah kemampuan untuk mengawal emosi, perhatian dan tingkah laku dalam mencapai matlamat yang diinginkan (Gestsdottir & Lerner, 2008; Moilanen, 2007). Regulasi kendiri membantu individu untuk menghindarkan diri daripada tingkah laku yang merbahayakan diri seperti penagihan dadah (Krantzian, 2013).

Disamping itu, AADK turut melaksanakan program *Family Association* untuk ibu bapa dan keluarga terdekat OKPPK untuk mendedahkan mereka tentang peranan mereka dalam membantu OKPPK agar tidak relaps. Tujuan program ini juga adalah untuk menggalakkan ahli keluarga supaya sentiasa menyediakan persekitaran keluarga yang sihat dalam membantu OKPPK. Hubungan perapatian ibu bapa diyakini adalah salah satu faktor yang mempengaruhi mereka dalam isu relaps. Kajian oleh Wyn, Lantz, & Harris (2012) menunjukkan hubungan antara ibu bapa dan anak mampu memenuhi keperluan sosiologi seperti material, sosial, emosi dan ekonomi. Begitu juga dengan tahap perapatan rakan sebaya dalam kalangan OKPPK dimana mereka sentiasa dinasihatkan oleh pegawai-pegawai AADK dalam pemilihan rakan mereka, kerana mengikut kajian yang dijalankan oleh Hamzah, Suandi, Hamzah, & Tamam (2014) tahap perapatan rakan sebaya sangat mempengaruhi tumbesaran dan pembangunan tingkah laku seseorang. Menurut J. Bowlby (1988), apabila seseorang anak itu semakin dewasa mereka lebih selesa untuk mencari rakan sebagai teman baru daripada terus bergantung kepada ibu bapa dalam meneruskan kitaran kehidupan sebagai orang dewasa. Relaps selalunya berlaku pada tahun pertama selepas menyempurnakan sesi rawatan (Fernandez-Montalvo, Lopez-Goni, Illescas, Landa, & Lorea, 2007). Dalam mengatasi masalah relaps ini, AADK sentiasa menekankan elemen-elemen pencegahan relaps kepada OKP melalui program pendidikan rawatan dan pemulihan yang disediakan sepanjang tempoh pengawasan mereka.. Tindakan ini bersesuaian dengan apa yang telah ditegaskan oleh Welsh & Liberto (2001) yang mengatakan bahawa perancangan pencegahan relapse adalah elemen penting yang perlu dititikberatkan sepanjang tempoh kepulihan seseorang yang pernah terlibat dengan penagihan dadah. Selain itu, pegawai-pegawai AADK yang menjalankan tugas sebagai ‘guru’ dalam proses pendidikan rawatan dan pemulihan OKPPK turut memastikan hubungan kepercayaan serta komunikasi bersama klien sentiasa dijaga supaya OKPPK berjaya mengekalkan kepulihan berpanjangan. Hal ini sesuai dengan apa yang dinyatakan oleh Bergin & Bergin (2009) bahawa hubungan positif dan tahap perapatan yang tinggi bersama guru adalah penting kepada klien untuk mencapai kejayaan hidup.

Mengikut data yang diperolehi daripada Sistem MyAADK, jumlah keseluruhan OKPPK di Malaysia sehingga 01 Disember 2016 adalah seramai 61,683 orang. Pecahan OKPPK mengikut negeri adalah seperti di bawah manakala jumlah ini boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu penagih baru serta penagih berulang (*relaps*).

**Jadual 1.1: Jumlah Keseluruhan OKPPK di Malaysia Sehingga 01 Disember 2016 Mengikut Sistem MYAADK**

Bil.	Negeri	Kes Berdaftar		Jumlah Klien Berdaftar
		Baru	Berulang	
1.	Johor	4,418	1,051	5,469
2.	Kedah	5,664	1,581	7,245
3.	Kelantan	4,285	1,058	5,343
4.	Melaka	1,535	442	1,977
5.	Negeri Sembilan	1,793	618	2,411
6.	Pahang	3,833	1,147	4,980
7.	Perak	4,436	1,862	6,298
8.	Perlis	1,150	417	1,567
9.	Pulau Pinang	5,106	4,528	9,634
10.	Putrajaya	56	3	59
11.	Sabah	1,917	114	2,031
12.	Sarawak	1,192	144	1,336
13.	Selangor	5,738	1,291	7,029
14.	Terengganu	2,502	459	2,961
15.	Wilayah Persekutuan	2,288	912	3,200
Jumlah Besar		46,047	15,636	61,683

Seperti yang telah digambarkan dalam Jadual 1.1 di atas, angka tersebut sudah cukup membimbangkan rakyat Malaysia khususnya golongan ibu bapa serta para pemimpin negara. Daripada jumlah keseluruhan OKPPK yang berdaftar di Malaysia sehingga 01 Disember 2016, 15,636 orang daripadanya adalah kes berulang (*relaps*). Gambaran menunjukkan bahawa 25% daripada jumlah OKPPK adalah penagih berulang. Harus juga diingat bahawa angka ini merupakan jumlah penagih dadah yang berjaya dikesan oleh AADK, tidak dinafikan bahawa masih ramai lagi penagih dadah di luar sana yang belum berjaya dikesan. Oleh itu, jumlah ini sudah cukup menakutkan walaupun masih belum menggambarkan jumlah penagih dadah yang sebenarnya.

Melalui Jadual 1.2 pula, dapat digambarkan bahawa trend penagihan dadah menunjukkan peningkatan yang amat ketara daripada tahun 2014 ke tahun 2016. Masalah penagihan dadah harus dipandang serius kerana ianya menggugat kestabilan ekonomi negara satu masa nanti (Azman & Mohd Al-Ikhsan, 2010). Generasi yang seharusnya membangunkan negara pada satu hari nanti kian berkurangan kerana terlibat dengan masalah penagihan. Oleh itu, adalah penting lebih banyak kajian dijalankan untuk mencari jalan penyelesaian terhadap masalah ini.

**Jadual 1.2: Jadual Perbandingan Jumlah OKPPK di Malaysia mulai Disember 2014 Sehingga Disember 2016 Melalui Sistem MyAADK**

Bil.	Negeri	Jumlah Klien Berdaftar 2014	Jumlah Klien Berdaftar 2015	Jumlah Klien Berdaftar 2016
1.	Johor	4,089	4,839	5,469
2.	Kedah	5,406	5,942	7,245
3.	Kelantan	2,484	3,604	5,343
4.	Melaka	1,716	2,025	1,977
5.	Negeri Sembilan	2,069	2,271	2,411
6.	Pahang	3,800	4,962	4,980
7.	Perak	5,830	6,458	6,298
8.	Perlis	857	1,279	1,567
9.	Pulau Pinang	5,989	7,464	9,634
10.	Putrajaya	1,604	15	59
11.	Sabah	1,485	2,059	2,031
12.	Sarawak	4,736	1,644	1,336
13.	Selangor	1,557	5,899	7,029
14.	Terengganu	3,682	2,183	2,961
15.	Wilayah Persekutuan	36	3,241	3,200
	Jumlah Besar	45,340	53,974	61,683

Masalah penagihan dadah meninggalkan pelbagai kesan negatif bukan sahaja kepada individu itu sendiri, malah keluarga dan orang disekelilingnya . Akibat daripada penagihan dadah jenis ATS/ sintetik, ia boleh membawa kepada halusinasi dan hilang pertimbangan diri sehingga individu boleh melaksanakan sesuatu yang di luar jangkaan.

### 1.3 Pernyataan Masalah

Kajian terhadap Orang Kena Pengawasan (OKP) di Malaysia masih kurang dijalankan. OKP adalah penagih dadah yang dijatuhkan perintah oleh pihak mahkamah untuk menjalani proses pendidikan rawatan dan pemulihan di luar institusi, dimana OKP masih mempunyai peluang untuk tinggal bersama keluarga dan bekerja seperti orang lain, tetapi OKP harus mengikuti program pendidikan rawatan dan pemulihan yang telah diaturkan oleh AADK. Namun begitu, tidak dinafikan banyak kajian lebih memberi tumpuan kepada penghuni PUSPEN seperti kajian (Buerah, Shahrin, Mohamad, & Maznah, 2015; Ibrahim, Zakaria, Nen, Sarnon, & Saim, 2014; Mahyuddin & Azizah, 2011; Muhammad Asyraf, 2013; Rokiah, 2010; Siti Rahmah, 2012). Oleh itu, kajian ini telah memberi fokus kepada OKP di mana kajian ini telah melibatkan seramai 300 orang OKP yang dipilih secara rawak daripada seluruh negeri Pahang.

Kajian yang dijalankan oleh Rozita (2014) dan Norhayati (2011) berhubung kecerdasan emosi serta perapatan ibu bapa dan rakan sebaya menjadikan remaja dan pelajar bermasalah sebagai subjek kajian manakala Hamidah (2013) pula melaksanakan kajian

untuk melihat sejauh mana hubungan di antara kecerdasan emosi pelajar dan gaya asuhan ibu bapa. Kajian berkenaan regulasi kendiri telah dijalankan untuk mengenalpasti hubungannya dengan masalah tingkah laku seks bebas dan alkohol dalam kalangan pelajar kolej di luar negara oleh Quinn & Fromme (2010). Kajian tersebut mempunyai persamaan dengan kajian regulasi kendiri dalam kalangan OKPPK kerana ianya masih memberi fokus kepada golongan yang mengambil bahan terlarang dan mengamalkan aktiviti yang negatif seperti alkohol serta seks bebas. Namun begitu, walaupun terdapat banyak kajian berkaitan regulasi kendiri dijalankan di luar negara, tetapi kebanyakan kajian hanya memberi fokus kepada masalah tingkah laku negatif para pelajar sekolah dan remaja termasuk pelajar kolej dan universiti. Oleh yang demikian, kajian ini telah melibatkan lima pembolehubah secara serentak iaitu kecerdasan emosi, perapatan pegawai AADK, perapatan ibu bapa, perapatan rakan sebaya serta regulasi kendiri dengan menjadikan OKP yang berumur 19 hingga 36 tahun sebagai responden kajian. Kajian ini diharap boleh membuka mata masyarakat bahawa kajian berkaitan penagihan dadah sebelum ini terlalu banyak memberi tumpuan kepada penghuni PUSPEN, sedangkan terdapat ramai penagih dadah berdaftar atau OKP yang tinggal di luar institusi yang memerlukan lebih kajian dijalankan terhadap mereka berkaitan masalah penagihan dadah.

#### **1.4 Objektif Penyelidikan**

1. Mengenalpasti tahap kecerdasan emosi OKPPK di negeri Pahang
2. Mengenalpasti pola perapatan pegawai AADK, ibu bapa dan rakan sebaya OKPPK di negeri Pahang
3. Mengenalpasti tahap regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang
4. Mengenalpasti hubungan antara kecerdasan emosi dan perapatan pegawai AADK, ibu bapa serta rakan sebaya dengan regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang
5. Mengenalpasti faktor penyumbang utama yang mempengaruhi tahap regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang

#### **1.5 Persoalan Kajian**

1. Apakah tahap kecerdasan emosi OKPPK di negeri Pahang?
2. Apakah pola perapatan pegawai AADK, ibu bapa dan rakan sebaya OKPPK di negeri Pahang?
3. Apakah tahap regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang?
4. Apakah hubungan antara kecerdasan emosi dan perapatan pegawai AADK, ibu bapa serta rakan sebaya dengan regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang?
5. Apakah faktor penyumbang utama yang mempengaruhi tahap regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang?

#### **1.6 Hipotesis**

$H_1$  : Terdapat hubungan antara kecerdasan emosi dengan regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang

$H_2$  : Terdapat hubungan antara perapatan pegawai AADK dengan regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang

H<sub>3</sub>: Terdapat hubungan antara perapatan ibu bapa dengan regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang

H<sub>4</sub>: Terdapat hubungan antara perapatan rakan sebaya dengan regulasi kendiri OKPPK di negeri Pahang

H<sub>5</sub>: Terdapat faktor yang mempengaruhi tahap regulasi kendiri dalam kalangan OKPPK di negeri Pahang

## 1.7 Kepentingan Penyelidikan

Penyelidikan ini adalah penting kepada semua lapisan masyarakat terutama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK). Melalui kajian ini, AADK berupaya untuk memperkemaskan lagi kurikulum pendidikan program rawatan dan pemulihan kepada OKPPK di AADK Daerah mengikut keperluan klien. Melalui kurikulum tersebut, OKPPK perlu diberi lebih pendedahan untuk meningkatkan kecerdasan emosi mereka bagi tujuan peningkatan regulasi kendiri mereka. Hal ini penting untuk memastikan OKPPK tidak relaps Melalui hasil kajian ini juga, AADK boleh menambahbaik program pendidikan rawatan dan pemulihan kepada penghuni-penghuni *CCRC (Cure & Care Rehabilitation Centre)* atau nama lamanya Pusat Serenti. Ia adalah sebagai persediaan kepada penghuni untuk menghadapi cabaran (*trigger*) apabila dibebaskan kelak.

Melalui program-program kepada OKPPK mahupun penghuni CCRC yang sering dilaksanakan, AADK harus sering melibatkan ibu bapa, keluarga mahupun masyarakat supaya pihak-pihak ini turut memainkan peranan dalam proses kepulihan individu yang telah terlibat dengan penagihan dadah. Selain daripada itu, hasil kajian juga boleh dimanfaatkan oleh para ibu bapa, pihak sekolah, pihak majikan di tempat kerja mahupun pemimpin-pemimpin setempat dalam mencegah kewujudan penagih baru. Golongan-golongan ini juga merupakan golongan berkepentingan dalam membentuk regulasi kendiri bagi individu-individu yang berisiko supaya tidak terlibat ke dalam kancan penagihan dadah terutama di peringkat umur remaja.

Melalui hasil dapatan kajian ini nanti, pihak pengurusan tertinggi AADK berupaya untuk menambahbaik pengisian program *Family Association* yang sebelum ini lebih kepada berbentuk ceramah kepada pengisian yang berbentuk aktiviti keluarga bersama OKPPK. Melalui program seperti ini, perapatan ibu bapa serta perapatan pegawai AADK boleh ditingkatkan ke arah yang lebih positif. Hal ini secara tidak langsung membantu dalam membentuk regulasi kendiri OKPPK yang lebih baik untuk terus kekal berada dalam kepulihan.

Selain itu, program-program rawatan dan pemulihan yang lain sepanjang OKPPK berada dalam tempoh pengawasan boleh dilihat kembali supaya program-program tersebut diyakini sesuai dengan kehendak dan keperluan mereka di mana ianya mampu untuk meningkatkan tahap kecerdasan emosi di sepanjang tempoh tersebut bagi memastikan kawalan diri mereka berubah ke arah yang lebih baik untuk terus menjadi insan normal seperti orang lain.

## **1.8 Skop dan Batasan Kajian**

Kajian ini hanya terdiri daripada OKPPK di negeri Pahang yang butirannya di ambil melalui sistem My AADK yang diselenggara oleh pihak AADK sendiri. AADK Negeri Pahang telah dipecahkan kepada 10 AADK Daerah bagi memudahkan urusan pentadbiran OKPPK, di mana ianya adalah di antara negeri yang mempunyai banyak AADK Daerah di semenanjung.

